

10 MAR 2000

Daim-Indonesia

INDONESIA BERMINAT MENGETAHUI LEBIH MENDALAM MENGENAI PNB

Oleh: Syed Jamil Jaafar

JAKARTA, 10 Mac (Bernama) -- Kerajaan baru Indonesia di bawah Presiden Abdurrahman Wahid sedang mengkaji kemungkinan mencontohi Malaysia memperkenalkan skim unit amanah seperti Amanah Saham Nasional (ASN) atau Amanah Saham Wawasan (ASW).

Dalam hubungan ini, Jakarta berminat mengetahui tentang perjalanan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan mengkaji bagaimana badan seumpama itu boleh ditubuhkan di sini, kata Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin hari ini.

Beliau berkata Malaysia menyambut baik minat Indonesia dan bersedia membantu setakat yang boleh.

Ketika ditemui wartawan Malaysia, Daim berkata para pegawai Indonesia dipelawa datang ke Malaysia untuk mengkaji secara terperinci mengenai skim unit amanah yang dilancarkan oleh Malaysia.

Daim, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Luar Syed Hamid Albar mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam lawatan rasmi dua hari yang berakhir hari ini.

Daim berkata beliau memberitahu para pegawai Indonesia bahawa bagi memastikan kejayaan skim unit amanah dan syarikat induk seperti PNB, perlulah ada syarikat-syarikat besar dan menguntungkan untuk melabur.

"Hanya melalui cara ini, kita dapat memberi jaminan bahawa pelabur akan dibayar dividen," kata beliau.

Daim berkata pentadbiran Abdurrahman juga berminat untuk mempelajari lebih lanjut mengenai Dasar Ekonomi Baru (DEB) Malaysia kerana negara itu berharap untuk melaksanakan dasar yang serupa bagi membantu golongan pribumi (Bumiputera).

Daim yang menghadiri dua mesyuarat antara kedua-dua pihak semalam berkata Indonesia berminat untuk mengadakan hubungan jalan raya menghubungkan Sarawak, Brunei dan Kalimantan Timur di Borneo.

Pembinaan jalan seperti itu akan membuka kawasan-kawasan baru bagi pembangunan. Oleh kerana perkara itu membabitkan tiga negara, ia akan dilaksanakan di bawah rangka kerjasama Kawasan Pertumbuhan Asean Timur (EAGA) - Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP).

Pada masa ini, satu-satunya laluan menghubungkan Sarawak dengan Kalimantan ialah melalui sempadan Tebedu-Entekong, ke tenggara Kuching.

Daim berkata oleh kerana Indonesia juga sedang membuka lebih banyak kawasan bagi pembangunan, ia berminat untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman Malaysia membangunkan ladang kelapa sawit.

Mengenai idea Indonesia untuk mempromosikan Brunei sebagai pusat kewangan pesisir antarabangsa yang kedua bagi rantau berkenaan, beliau berkata Malaysia sedia menyokongnya jika ia memberi manfaat kepada semua pihak.

"Kita perlu mengkajinya kerana ia mungkin memberi kesan kepada Labuan yang telahpun diperakukan oleh BIMP-EAGA sebagai satu-satunya pusat kewangan pesisir antarabangsa bagi rantau itu," kata beliau.

Dalam pada itu, bukannya mudah untuk mendirikan pusat seperti itu dan pada masa yang sama pusat seperti itu telahpun wujud di Singapura, Hong Kong, Bangkok dan Tokyo.

Mengenai menjalankan perniagaan di Indonesia di tengah-tengah senario aru, Daim berkata peluang-peluang sudah pun ada tetapi kerajaan hendaklah menjelaskan peraturan mengenainya jika ia hendak menarik pelabur asing.

Tentu sukar bagi pelabur untuk melabur wang mereka di sini jika peraturan mengenai perkara itu sekejap-kejap dipinda.

Kerajaan Indonesia sedar tentang perkara ini dan nampaknya telah mengambil perhatian serius untuk menangani masalah itu.

-- BERNAMA

sj faz